

# SRAS bantu proses bedah buasir

» Alatan khas periksa kawasan dalaman saluran buangan najis

Oleh Nas Norziela Nasbah, Luqman Arif Abdul Karim dan Sarah Aina Shawal  
bhnews@bh.com.my

► Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Sheffield Hallam University, United Kingdom (UK), berjaya menghasilkan alatan khas bagi membantu pakar perubatan menjalankan pembedahan dalaman saluran najis dikenali sebagai 'Self Retaining Anal Speculum' (SRAS).

SRAS adalah peralatan perubatan pakai buang bagi menahan dan membantu pembukaan dubur ketika pembedahan.

Penyelidik Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM, Dr Saiful Hasley Ramli, berkata SRAS memudahkan proses pembedahan seperti buasir dan ulser di dalam dubur yang membabitkan saluran buangan najis.

Beliau berkata, SRAS boleh digunakan pakar perubatan bagi memeriksa kawasan dalaman saluran buangan najis dengan dimasukkan dari luar dubur hingga rektum dengan bukaan maksimum 38 milimeter (mm).

## Tak perlu guna tangan

Katanya, keberkesanan proses pembedahan bergantung kepada peralatan teknikal yang digunakan dan SRAS berupaya memudahkan pakar bedah membuat pemeriksaan serta pembedahan.

"Inovasi SRAS memudahkan pembedahan membuang buasir atau masalah kesihatan berkaitan dubur kerana tidak perlu menggunakan tangan," katanya




Dr Yoke Kqueen bersama kajian mengenai ubat untuk penyakit barah pada pameran Hari Terbuka Inovasi UPM, semalam.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

## INFO

### SRAS (Self Retaining Anal Speculum)



Cara SRAS dimasukkan ke dalam dubur pesakit sebelum pembedahan.

Dr Saiful Hasley menunjukkan SRAS yang direka untuk merawat penyakit buasir.

ketika ditemui pada pameran Hari Terbuka Inovasi UPM di sini, semalam.

Dr Saiful Hasley berkata, antara kelebihan SRAS adalah ia diperbuat daripada plastik yang lebih murah berbanding peralatan berasaskan bahan keluli.

"Produk pakai buang ini dapat mengelak jangkitan disebabkan pencemaran yang sering berlaku pada peralatan guna semula yang tidak diselenggara dengan baik," katanya.

SRAS pernah memenangi Pingat Emas Pertandingan Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) 2009, Pingat Emas ITEX2010 dan Anugerah Khas Korea Invention Promotion Awards (KIPA), selain pengiktirafan The British Invention Show (BIS).

## 'Salmonella Agona'

Sementara itu, penyelidik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof Madya Dr Cheah Yoke Kqueen bersama Prof Madya Dr Tan Geok Chin, Dr Noorzaleha

Awang Saleh dan Dr Khoo Chai Hoon menghasilkan agen pengecilan tumor daripada bakteria 'Salmonella Agona' dalam tumbuhan.

Dr Yoke Kqueen, berkata bakteria berkenaan sesuai digunakan kerana tidak menghasilkan banyak toksik dan tiada kesan sampingan terhadap pesakit.

Beliau berkata, kajian yang dilakukan ke atas haiwan bagi melihat tindak balas agen mendapati ia bersesuaian.

Katanya, agen yang dihasilkan boleh memusnahkan sel kanser tanpa mengganggu sel yang tidak dijangkiti virus berkenaan.

"Agen terbabit yang berperanan mengecilkan sel kanser secara tidak langsung melambatkan perkembangan sel daripada merebak," katanya.

Turut dipamerkan inovasi meja sekolah yang dapat menghindari risiko gejala sakit tulang belakang kepada pelajar.

Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Dr Ng Yee Guan, berkata inovasi berkenaan memudahkan pelajar melaras kedudukan meja bersesuaian dengan ketinggian supaya lebih setara.